

30/07/1997

CRFP galak kerjasama, pemindahan teknologi

Hizral Tazzif Hisham

SEBANYAK 15 Permohonan Cadangan Untuk Konsep (CRFP) bagi empat aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diumumkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, minggu lalu mempunyai pendekatan bersepadu bagi menggalakkan kerjasama dan pemindahan teknologi antara syarikat tempatan dan luar negara.

CRFP itu diharapkan dapat merangsang dan menyemarakkan perkongsian pintar antara kepakaran tempatan dan luar negara bagi menghasilkan produk yang mempunyai inovasi tinggi dan mewujudkan industri multimedia tempatan.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata CRFP yang diumumkan itu adalah hasil usaha yang dijalankan dalam masa lima bulan antara gabungan wakil kerajaan dan pereka laman.

"Dalam tempoh itu, dokumen wawasan dan rancangan tindakan bagi setiap satu daripada aplikasi berkenaan diputuskan, termasuk faedah yang dijangka diperolehi kerajaan, pengguna dan pelanggan, strategi pelaksanaan dan pilihan projek perintis," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran 15 CRFP untuk empat aplikasi perdana MSC. Turut hadir ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie dan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng.

Dr Othman berkata, syarikat tempatan dan asing boleh mengemukakan cadangan terbaik bagi melaksanakan projek dan berpandukan CRFP yang diumumkan itu.

CRFP yang dirangka MDC dengan bantuan agensi kerajaan dan pakar bertaraf dunia, akan memberikan kelonggaran kepada syarikat terbabit untuk mencadangkan kaedah yang difikirkan terbaik dalam melaksanakan projek itu.

Ketika ditanya mengenai proses pemilihan syarikat yang akan melaksanakan projek berkenaan, Dr Othman berkata, MDC akan memilih syarikat yang mencadangkan kaedah terbaik.

Sebagai contoh, beliau berkata, Pasukan Petugas Sekolah Bestari akan memilih syarikat tempatan dan antarabangsa yang mengambil bahagian dalam lima CRFP itu secara berasingan dan kemudian akan menggalakkan syarikat yang terpilih supaya bergabung bagi melaksanakan projek Sekolah Bestari secara bersepadu.

Semua proses pemilihan akan tamat menjelang hujung tahun ini dan projek perintis itu dijangka siap pada tahun 2000.

Menurutnya, MDC menganggarkan RM1,600 juta diperlukan untuk melaksanakan 15 CRFP bagi projek perintis empat aplikasi perdana berkenaan yang mana anggaran itu mungkin berubah selepas ia menerima sebut harga daripada syarikat yang berminat melaksanakan 15 CRFP berkenaan.

"Jumlah itu adalah anggaran kami tetapi kos sebenar akan dapat diketahui selepas kami menerima sebut harga daripada syarikat yang menerima Konsep Cadangan Permohonan Tender (CRFP)," katanya.

Daripada 15 projek itu, lima adalah projek Kerajaan Elektronik, lima projek Sekolah Bestari, empat projek Teleperubatan dan satu projek Kad Pintar Pelbagai Guna.

Keempat-empat aplikasi perdana yang diumumkan oleh PM itu dikategorikan mengikut Pembangunan Multimedia manakala tiga aplikasi lain seperti Pemasaran Tanpa Sempadan, Kelompok Penyelidikan dan Pembangunan dan Rangkaian Pengilangan Sedunia dikategorikan mengikut Persekitaran Multimedia.

Agensi yang terbabit dalam pengeluaran 15 CRFP itu ialah Unit Permodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan (Mampu) bagi aplikasi kerajaan elektronik, Bank Negara Malaysia (kad serbaguna), Kementerian Pendidikan (sekolah bestari) dan Kementerian Kesihatan (teleperubatan).

(END)